

'Lebih banyak negara perlu jadi jaguh'

BH 22 NOV 2000

LANGKAWI, Selasa – Negara Afrika tidak menganggap langkah Malaysia menjalin hubungan erat dengan negara di rantau berkenaan sebagai sesuatu yang tidak baik, termasuk ingin menjadi jaguh negara membangun, khususnya di Afrika.

Sebaliknya, mereka berpendapat lebih banyak negara di seluruh dunia sepatutnya mencontohi langkah Malaysia, dalam usaha membina satu dunia baru.

Presiden Mozambique, Joaquim Alberto Chissano, berkata lebih banyak negara perlu menjadi jaguh” dan bekerjasama dengan negara Afrika dalam usaha mewujudkan satu dunia baru.

“Saya fikir setiap negara perlu mencontohi usaha Malaysia untuk menjalin hubungan rapat dan memahami Afrika kerana kita perlu bekerjasama, dalam usaha mewujudkan satu dunia baru.

“Saya tidak nampak sesuatu tidak baik untuk Malaysia bekerjasama rapat dengan negara Afrika. Malah, ia satu contoh baik yang perlu diikuti (negara lain).

Kita perlukan lebih negara untuk menjadi jaguh... kerana Afrika,” katanya kepada pemberita selepas mengadakan kunjungan hormat terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Berjaya Langkawi Spa and Beach Resort, di sini, hari ini.

Beliau mengulas dakwaan beberapa negara Eropah kononnya Malaysia cuba menjadi “godfather” kepada negara Afrika dengan memberi kemudahan kredit bagi menguasai perdagangan di benua itu.

Perkara itu didedahkan oleh wakil Zimbabwe pada Dialog Antarabangsa Langkawi 2000 (LID 2000), Dr Ruth Labode, kelmarin bahawa negara Eropah bimbang dialog berusia lima tahun itu mempunyai kesan ekonomi yang mungkin mengakhiri penguasaan mereka.

Dr Labode mendakwa, negara Eropah yang menguasai perdagangan di Afrika sejak beberapa tahun lalu, kini mempersoalkan tindakan Malaysia memberikan kemudahan kredit, sedangkan ia berjaya mempertingkatkan perdagangan pelbagai hala.

Pandangan Chissano dikongsi bersama oleh Perdana Menteri Lesotho, Pakalitha Bethuel Mosisili, yang turut mengadakan kunjung hormat terhadap Dr Mahathir, hari ini.

Mosisili berkata: “Apa salahnya dengan langkah itu (Malaysia)... Malaysia sebelum ini mengalami proses pembangunan yang sama dan berada pada kedudukan baik untuk bekerjasama dengan rakan dari negara Afrika.